


Laporan Khas



Tol elektronik bukan jaminan trafik lancar



» Masalah teknikal di lorong ETC sedia ada punca kesesakan pada waktu puncak

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi, Mohd Fahmi Mohd Yusof dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Semakin banyak plaza tol di negara ini melaksanakan kutipan tol secara elektronik sepenuhnya (ETC) menggunakan kad Touch 'n Go (TnG) dan SmartTAG.

Ini susulan keputusan Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) untuk melaksanakan sistem berkenaan di semua plaza tol seluruh negara mulai 2017.

Pelaksanaan ETC bertujuan menyelesaikan masalah kesesakan, namun adakah pengguna bersedia menerima sistem itu atau masih perlu diberi pilihan menggunakan sistem bayaran tunai?

Persoalan, apakah alat dan sistem digunakan oleh pengendali lebuhraya berkualiti serta mencapai standard antarabangsa dan bagaimana pula jika bekalan elektrik terputus?

Plaza tol tetap sesak

Tinjauan BH di beberapa plaza tol di Lembah Klang, Johor dan Pulau Pinang sejak beberapa hari lalu, mendapati ada sesetengah lorong ETC tetap sesak dan bertambah teruk apabila kad SmartTAG atau alat pengimbas tidak berfungsi atau rosak.

Hasil tinjauan BH mendapati, antara masalah yang boleh menyebabkan kesesakan di lorong ETC, terutama pada waktu puncak

Isnin hingga Jumaat, termasuk kegagalan pengguna membuat imbasan di lorong Smart TAG, malah ada juga kes skrin pada alat pengimbas tidak jelas menunjukkan baki dan kerap rosak.

Beberapa pemandu yang ditemui, mengakui masalah pembayaran tol menggunakan SmartTAG bukan perkara baharu, malah bagi ahli perniagaan, Herwan Risman, 35, beliau sudah empat kali menukar SmartTAG sejak beralih membayar tol tanpa tunai tahun lalu kerana sering rosak.

SmartTAG mudah rosak

"SmartTAG versi baharu mudah rosak, termasuk tidak boleh diimbis pada peranti di plaza tol. Satu kelemahan yang saya lihat ialah apabila aduan dibuat untuk mendapatkan SmartTAG baharu, perlu tunggu sehingga empat bulan," katanya yang membeli alat itu pada harga RM127.

Kakitangan awam, Razali Razak, 29, yang menggunakan SmartTAG sejak dua tahun lalu, mengakui

model lama SmartTAG lebih berkualiti berbanding versi baharu walaupun lebih kecil dan fleksibel, ia kerap mengalami masalah sukar diimbis.

Ahli perniagaan, Muhamad Faiz Md Noor, 34, berkata berdasarkan pengalamannya yang sering memandu jauh dan menggunakan SmartTAG hampir setiap hari, kerosakan pada alat itu sering berlaku apabila ia terlalu kerap digunakan.

"Kebarangkalian untuk SmartTAG rosak adalah tinggi. Selain itu, ada kala pengguna juga tidak peka dengan cara penggunaannya terutama apabila baki tidak mencukupi atau bateri habis. Apabila mereka tersangkut di lorong SmartTAG, ia turut menyulitkan pengguna lain," katanya.

Di Butterworth, tinjauan BH mulai jam 11 pagi hingga lewat petang Sabtu lalu mendapati lorong ETC untuk aliran trafik ke utara di Plaza Tol Sungai Dua juga sesak kerana jumlah trafik yang tinggi serta beberapa masalah teknikal.



Masalah teknikal pada alat elektronik antara punca keadaan trafik sesak di plaza tol.

BH
16/3/2016
MS 12

“**SmartTAG versi baharu mudah rosak, termasuk tidak boleh diimbis pada peranti di plaza tol. Satu kelemahan yang saya lihat ialah apabila aduan dibuat untuk mendapatkan SmartTAG baharu, perlu tunggu sehingga empat bulan**”

Herwan Risman,
Ahli perniagaan

Pengguna, Muhammad Zarim Jamaluddin, 26, berkata kegagalan alat pengimbas SmartTAG berfungsi dengan baik menyebabkan keadaan itu, malah beliau sendiri sering mengalami masalah dengan alat SmartTAG versi baharu.

Proses tambah nilai ambil masa

"Selain itu, hanya satu lorong dibuka untuk pengguna menambah nilai TnG hingga pergerakan trafik perlahan kerana proses tambah nilai mengambil masa agak lama, manakala ada plaza tol yang langsung tidak menyediakan khidmat itu," katanya.





Untuk komen, hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my atau di laman Facebook
BH Online



INFO

Panduan menggunakan SmartTAG di lorong ETC



Lokasi SmartTAG - Pandangan hadapan



Lokasi SmartTAG - Pandangan sisi

Cara penggunaan SmartTAG yang betul

- ⊕ Pastikan SmartTAG diletakkan pada kedudukan betul iaitu alat pengimbas dihadapkan ke depan
- ⊕ Pasangkan SmartTAG pada alat pendakap di bahagian tengah cermin hadapan kenderaan
- ⊕ Pastikan baki Touch 'n Go pada SmartTAG cukup
- ⊕ Pastikan jarak keselamatan minimum dua meter dari kenderaan hadapan
- ⊕ Kurangkan kelajuan anda pada sekitar 20 hingga 25km/j sebelum menghampiri zon pengimbas
- ⊕ Tunggu SmartTAG mengeluarkan bunyi, sebagai menunjukkan urusan selesai
- ⊕ Semak baki kad seperti dipapar di panel paparan tambang tol
- ⊕ Teruskan perjalanan selepas penghadang ETC dibuka



Kuasa bateri mencukupi akan paparkan 'Hi' bila butang periksa baki ditekan



SmartTAG akan keluar bunyi 'BEEP' berulang kali jika kuasa bateri lemah



BH
16/3/16
MIS 13

Pekerja swasta, Ahmad Arafat Mohamed Esah, 29, berkata kesesakan di lorong ETC juga disebabkan pengguna gagal memastikan baki nilai kad TnG mencukupi lalu tersekat di lorong berkenaan dan

menyebabkan ramai pengguna lain terpaksa beratur panjang atau menukar lorong hingga mengganggu pergerakan kenderaan lain.

Di **Johor Bahru**, Shafiq Amir Zubir, 30, berharap pengendali lebuhraya dapat mengatasi sebarang masalah sistem atau isu lain di lorong ETC dengan cepat kerana kegagalan berbuat demikian boleh menjejaskan trafik sesak walaupun bukan pada waktu puncak.

Pengguna TnG, Rusidah Dedye, 25, berkata sistem ETC adalah baik, terutama menjimatkan masa pengguna dan kos pihak pengurusan, namun sebarang kerosakan pada sistem berkenaan harus diatasi dengan segera, terutama pada waktu puncak atau hujung minggu.



Syarikat konsesi janji tambah baik sistem ETC

Kuala Lumpur: Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) akan membuat penambahbaikan kepada sistem kutipan tol elektronik (ETC) yang dilaksanakan di lebuhraya, terutama sekitar Lembah Klang.

Timbalan Yang Dipertuanya, Sazally Saidi, berkata ia bagi memastikan masalah berkaitan SmartTAG dan TnG diatasi, sekaligus memastikan kecekapan aliran trafik pada tahap maksimum.

“Kami peka dengan isu kesesakan di lorong ETC disebabkan masalah teknikal pada alat pengimbas SmartTAG dan sudah ambil langkah menempatkan kakitangan di lorong berkenaan, terutama pada waktu puncak. Cabaran lain ialah mendidik pengguna mengenai ETC kerana masih ramai tidak biasa dengan sistem ini.

“Untuk meningkatkan kesedaran pengguna, ia mengambil masa. Penambahbaikan lain ialah membuka lebih banyak lorong tambah nilai di plaza tol serta kaunter jualan,” katanya sambil menambah, pertimbangan juga dibuat untuk penggunaan sistem

“
Kami peka dengan isu kesesakan di lorong ETC disebabkan masalah teknikal pada alat pengimbas SmartTAG”

Sazally Saidi,
Timbalan Yang Dipertua PSKLM



Multi Lane Free Flow (MLFF).

Pasang alat pengimbas

Menerusi sistem baharu menyerupai sistem Electronic Road Pricing (ERP) seperti di Singapura yang tidak memerlukan pembayaran di plaza tol itu, katanya, alat pengimbas dipasang di lokasi tertentu untuk mengakses kenderaan secara terus bagi transaksi pembayaran walaupun pada kelajuan 110 kilometer sejam (km/j).

Sementara itu, Presiden Lembaga Pelindung dan Kebajikan

Pengguna Malaysia (LPKPM), Datuk Seri Dr Saharuddin Awang Yahya, berkata aduan kerap diterima pihaknya bertumpu kepada masalah SmartTag yang sukar atau tidak dapat diimbas, selain kerosakan sistem ETC.

“Ada juga pengguna mengadu baki nilai kad Touch n Go berkurangan selepas kad itu lama tidak digunakan. Selain itu, rekod bayaran atau bukti resit yang tidak dikeluarkan untuk bayaran melalui SmartTag atau TnG menyebabkan pengguna sukar mengetahui perbelanjaan dikeluarkan

kan mereka bagi tempoh tertentu,” katanya.

Bantu kurang kesesakan

Beliau mengakui sistem ETC kaedah baik dan boleh membantu mengurangkan kesesakan di plaza tol, namun masih banyak yang perlu ditambah baik, termasuk kurangnya perkhidmatan tambah nilai di lorong atau kaunter di plaza tol sehingga pengguna terpaksa bersesak di laluan tunai.

“Ada plaza tol langsung tiada khidmat tambah nilai, sekali gus boleh mengganggu pengguna lain sehingga berlaku kesesakan teruk. Selain itu, tidak ramai dengan sistem ETC terutama yang jarang ke ibu negara atau kawasan yang banyak lebuhraya bertol,” katanya.

Beliau mencadangkan supaya sekurang-kurangnya satu lorong tunai dibuka di setiap plaza tol yang melaksanakan sistem ETC bagi memudahkan pengguna, selain menambah pekerja di lorong SmartTag dan TnG, terutama pada waktu puncak untuk melancarkan trafik dan membantu pengguna yang berdepan masalah.

Laporan Khas

BH
16/3/16
mlc 14

89 lagi plaza tol guna sistem ETC

» *Pembayaran secara elektronik ganti tunai bermula tahun hadapan*

“Jambatan Pulau Pinang Kedua (JPP2), Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE), Lebuhraya Lingkar Luar Butterworth (BORR) dan Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA) akan mula menggunakan ETC pada Jun,” katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Tak buang pekerja

Mengulas mengenai masa depan jurutol apabila ETC dilaksanakan, Szally berkata, syarikat konsesi tidak akan membuang pekerja masing-masing.

“Sebahagian jurutol akan terus bertugas di plaza tol bagi memantau kelancaran operasi sistem berkenaan dan membantu pengguna yang berdepan dengan kesulitan.

“Selebihnya, akan ditempatkan di bahagian kad Touch ‘n Go dan Smart-TAG bagi memudahkan urusan penjualan dan tambah nilai,” katanya.

“**Setakat ini, sistem terbabit sudah dilaksanakan di 51 plaza tol di 20 lebuhraya di**

INFO**Plaza tol guna sistem ETC sepenuhnya****Berkuat kuasa tahun 2017**

- **Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS)** (Dari Juru, Seberang Perai ke Skudai, Johor)
- **Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE)**
- **Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1)**
- **Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2)**

Berkuat kuasa September 2016

- **Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP)**
 - Plaza Tol Penchala
 - Plaza Tol Petaling Jaya
 - Plaza Tol Puchong Barat
 - Plaza Tol Puchong Selatan
- **Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS)** (Jalan Hutan Kampung, Kedah ke Sg Dua, Butterworth)
- **Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang (SILK)**
- **Lebuhraya Senai Desaru (SDE)**
- **Lebuhraya Lembah Klang Utara Baharu (NNKVE)**

Berkuat kuasa Jun 2016

- **Lebuhraya Besraya**
 - Plaza Tol Mines
 - Plaza Tol Loke Yew

Berkuat kuasa Mac 2016

- **Lebuhraya SPRINT**
 - Plaza Tol Kerinchi Link
 - Plaza Tol Penchala Link
 - Plaza Tol Damansara Link

Berkuat kuasa Januari 2016

- **Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX)**
 - Plaza Tol Salak Selatan
 - Plaza Tol Putrajaya
 - Plaza Tol Seri Kembangan
- **Lebuhraya Baru Pantai**
 - Plaza Tol PJ52
 - Plaza Tol PJ55
 - Plaza Tol Pantai
- **Lebuhraya Cheras-Kajang (Grandsaga)**
 - Plaza Tol Batu 9
 - Plaza Tol Batu 11
- **Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LKSA)**
 - Plaza Tol Seri Muda
 - Plaza Tol Alam Impian

Berkuat kuasa September 2015

- **Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS)**
 - Plaza Tol Jitra
 - Plaza Tol Bukit Kayu Hitam
- **Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE)**
 - Plaza Tol Lunas
 - Plaza Tol Kubang Semang
 - Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang
- **Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK)**
 - Plaza Tol Gombak
 - Plaza Tol Bentong
- **Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH)**
 - Plaza Tol Datuk Keramat
- **Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE)**
 - Plaza Tol Ayer Panas
 - Plaza Tol Sentul Pasar
 - Plaza Tol Batu

Oleh **Luqman Arif Abdul Karim dan Errah Amran**
bhnews@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Sebanyak 89 lagi plaza tol di empat lebuhraya akan melaksanakan sistem pembayaran tol elektronik (ETC) bagi menggantikan pembayaran secara tunai tahun hadapan.

Daripada jumlah itu, 61 membatik plaza tol Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dari Juru, Seberang Perai ke Skudai, Johor, Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE- sembilan plaza tol), Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT 1-sembilan) dan LPT 2 (10).

Bantu lancar aliran trafik

Timbalan Yang Dipertua Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM), Sazally Saidi, berkata sistem ETC akan membantu melancarkan aliran trafik dan memudahkan perjalanan pengguna lebuhraya.

“Setakat ini, sistem terbabit sudah dilaksanakan di 51 plaza tol di 20 lebuhraya di Semenanjung, manakala 26 plaza tol di lima lebuhraya dijangka akan melaksanakan sistem itu pada Jun dan September depan.”

Semenanjung, manakala 26 plaza tol di lima lebuhraya dijangka akan melaksanakan sistem itu pada Jun dan September depan”

Sazally Saidi,

Timbalan Yang Dipertua Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia

- Plaza Tol Damansara Link
- **Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR)**
 - Plaza Tol Taman Rimba Templer
 - Plaza Tol Kundang Barat, Kundang Timur
 - Plaza Tol Kuang Barat, Kuang Timur
 - Plaza Tol Ijok
- **Lebuhraya Shah Alam (KESAS)**
 - Plaza Tol Awan Besar Timur, Barat
 - Plaza Tol Sunway
 - Plaza Tol Kemuning
- **Lebuhraya Gutrie (GCE)**
 - Plaza Tol Bukit Jelutong
 - Plaza Tol Elmina
 - Plaza Tol Lagong
- **Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS)**
 - Plaza Tol Kajang Selatan
 - Plaza Tol Semenyih
 - Plaza Tol Pajam
 - Plaza Tol Mantin
 - Plaza Tol Setul
 - Plaza Tol Ampangan
 - Plaza Tol Paroi

- Plaza Tol Batu
- **Lebuhraya SMART**

Berkuat kuasa Jun 2015

- **Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH)**
 - Plaza Tol Mambau
 - Plaza Tol Lukut

Berkuat kuasa September 2014

- **Lebuhraya Persekutuan**
 - Plaza Tol Batu Tiga
 - Plaza Tol Sungai Rasau

Berkuat kuasa Januari 2014

- **Lebuhraya Linkedua (LINK2)**
 - Plaza Tol Perling
- **Lebuhraya PLUS**
 - Plaza Tol Kempas



Plaza tol Jambatan Pulau Pinang melaksanakan sistem bayaran secara elektronik sepenuhnya bermula Jun depan. [FOTO AMIR IRSYAD OMAR/BH]

